

*Akademika 89(Isu Khas/Special Issue), 2019: 81-91*

<https://doi.org/10.17576/akad-2019-89SI-08>

## Kebijaksanaan Adab dalam Hikayat Melayu Tradisional

### *Wisdom of Manner in the Traditional Malay Hikayat*

MUHD NORIZAM JAMIAN & ZUBIR IDRIS

#### ABSTRAK

*Makalah ini membincangkan konsep kebijaksanaan adab dalam dunia Melayu yang dipaparkan melalui karya-karya hikayat Melayu tradisional dari perspektif adab. Hikayat Melayu tradisional memainkan peranan penting sebagai wadah pembentukan peradaban manusia bagi melahirkan insan yang bijaksana dalam memenuhi tanggungjawabnya sebagai khalifah Allah di muka bumi. Data kajian melibatkan teks Hikayat Isma Yatim dan Hikayat Hang Tuah – antara khazanah hikayat Melayu tradisional yang dihasilkan atau disalin dari abad ke-15 hingga abad ke-19. Dalam membuktikan fungsi hikayat Melayu tradisional sebagai wadah pembentukan insan yang bijaksana, kajian ini mengaplikasikan pendekatan adab berasaskan model kerangka pemikiran Syed Muhammad Naquib Al-Attas (2001). Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah analisis kandungan terhadap teks Hikayat Isma Yatim dan Hikayat Hang Tuah. Hasil kajian menunjukkan bahawa teks-teks hikayat Melayu tradisional telah memainkan peranan penting dalam menerapkan unsur kebijaksanaan ke arah menghasilkan insan terpuji yang seimbang dari segi rohani dan jasmani, duniawi dan ukhrawi. Unsur kebijaksanaan yang diserapkan menerusi teks-teks hikayat Melayu tradisional menjadi panduan kepada khalayak menjalin hubungan dengan Tuhan selaku Pencipta (hablumminallah) dan hubungan sesama manusia (hablumminannas) di samping menjelaskan peranan setiap manusia di dunia – sebagai khalifah Allah SWT dan pada masa yang sama selaku hamba-Nya.*

*Kata kunci: Kebijaksanaan; hikayat Melayu tradisional; adab; hablumminallah; hablumminannas*

#### ABSTRACT

*This paper discusses the concept of wisdom of manner in the Malay world featured in the traditional Malay hikayat from the perspective of manner. Traditional Malay hikayat play an important role as a platform for the formation of human civilization to produce individuals who are wise in fulfilling his responsibility as God's vicegerent on earth. The data of this study involves the text of Hikayat Isma Yatim and Hikayat Hang Tuah – among the treasures of traditional Malay hikayat produced or copied from the 15th century until the 19th century. In establishing the functions of traditional Malay hikayat as a platform for the formation of human wisdom, this study applies Syed Muhammad Naquib Al-Attas's (2001) framework on manner. This qualitative study use the method of content analysis of the Hikayat Isma Yatim and Hikayat Hang Tuah. The study demonstrates that traditional Malay hikayat has played the important role of instilling wisdom towards producing a noble, well-balanced individual, spiritually and physically, in this world and the hereafter. Elements of wisdom absorbed through traditional Malay hikayat is apparently conceived by its readership as providing enlightening principles in seeking for a guided relationship both with their Creator (hablumminallah) and fellow human beings (hablumminannas) as well as explicating the divine purposes of every living human being in this world – to become His vicegerent and servant.*

*Keywords: Wisdom; traditional Malay hikayat; manner; hablumminallah; hablumminannas*

#### PENDAHULUAN

Dunia Melayu atau Nusantara – yang kini sebahagian wilayahnya terangkum dalam ASEAN – kaya dengan ribuan manuskrip yang merakamkan akal budi, falsafah dan jati diri masyarakat Melayu. Terdapat

kira-kira 10,000 manuskrip yang telah ditemui dalam pelbagai judul, versi, dan genre seperti sastera hikayat, sastera kitab, sastera sejarah, sastera undang-undang serta sastera ketatanegaraan (Ding Choo Ming 2003). Pelbagai genre sastera tradisional ini menjadi jambatan yang menghubungkan

masyarakat moden dengan zaman silam (Siti Hawa Haji Salleh 1999). Khazanah kesusasteraan Melayu tradisional ini bukan sahaja mempunyai elemen bahasa yang indah namun turut sarat dengan isi yang berfaedah. Teks-teks sastera klasik ini sarat mengandungi mesej dan simbol-simbol budaya-politik Alam Melayu (Kamaruddin M. Said 2007). Karya-karya hikayat seperti *Hikayat Isma Yatim* dan *Hikayat Hang Tuah* kaya dengan nilai estetika di samping elemen kebijaksanaan dalam inti pati kandungannya. Dengan kata lain, ketinggian akal budi Melayu yang mencerminkan pemikiran, perbuatan dan sikap seseorang insan yang mendukung kebijaksanaan, kehalusan jiwa serta keindahan terzahir melalui karya-karya hikayat tradisional (Norazimah Zakaria et al. 2017).

Kebijaksanaan merangkumi nilai, kata-kata dan tingkah laku yang menunjukkan kebenaran dan kebaikan yang tinggi dalam pemikiran, pegangan, sikap, renungan dan perbuatan dalam kalangan insan (Muhammad Uthman El-Muhammady 2010: 1). Kebijaksanaan umumnya dimengertikan sebagai ketajaman akal budi, kecerdasan fikiran, ketelitian tindakan dan kemahiran dalam ilmu tertentu. Insan yang bijaksana mempunyai kualiti dalam berpengetahuan dan memiliki kapasiti untuk menggunakan pengetahuan tersebut. Mereka mengetahui input yang terdiri daripada ilmu yang baik dan dapat mengolah input tersebut menjadi hasil yang baik dalam menyelesaikan pelbagai permasalahan kehidupan. Ilmu yang dicerap dan dicerna oleh akal ini diamalkan untuk memelihara *sunnatullah* iaitu tabiat manusia dan aturan alam yang telah ditetapkan oleh Ilahi (Muhd Norizam Jamian et al. 2017). Gabungan ilmu, akal dan amal inilah yang mencetuskan kebijaksanaan (Muhd Norizam Jamian 2012).

Karya-karya kesusasteraan Melayu tradisional seperti hikayat turut berperanan membentuk dan melakar kebijaksanaan insan. Sebagai karya yang berteraskan adab, Islam meletakkan ilmu sebagai unsur dominan dalam sastera. Ilmu menjadi salah satu prinsip penting agar sastera dapat menghiasi khalayaknya dengan nilai yang baik dan luhur (Ungku Maimunah 2007: 18). Pelbagai bentuk ilmu cuba disampaikan oleh para pengarang yang bijaksana menerusi karya-karya tersebut agar dapat dicerap oleh khalayak dan seterusnya berperanan menjana akal untuk melahirkan insan yang bijaksana. Unsur kebijaksanaan ini turut dibicarakan dengan tuntas dalam pelbagai teks sastera hikayat sebagai panduan, petunjuk dan

pedoman kepada khalayaknya. Selaras dengan tanggungjawab manusia sebagai khalifah di muka bumi, kebijaksanaan diperlukan bagi membolehkan manusia melaksanakan tugas memakmurkan dan memelihara kelestarian alam di samping tunduk dan patuh pada kekuasaan Sang Pencipta.

## OBJEKTIF KAJIAN

*Hikayat Isma Yatim* dan *Hikayat Hang Tuah* merupakan antara karya kesusasteraan Melayu tradisional yang tersisip pelbagai manfaat dan faedah. Justeru, objektif kajian ini ialah untuk:

1. Mengupas dan menganalisis teks *Hikayat Isma Yatim* dan *Hikayat Hang Tuah* dari perspektif adab berasaskan kerangka pemikiran Syed Muhammad Naquib Al-Attas.
2. Menganalisis elemen kebijaksanaan insan yang terkandung dalam teks *Hikayat Isma Yatim* dan *Hikayat Hang Tuah*.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan metode kualitatif yang melibatkan penelitian terhadap kandungan di dalam teks. Kajian secara kualitatif dipilih kerana ia menggunakan bahasa untuk mencerminkan fenomena masyarakat, menyorot pandangan subjek kajian dan bersifat konseptual serta mikro. Selain itu, data juga dapat dikaji dengan lebih mendalam dan berlapis melalui pendekatan ini (Bryman 2001: 284-285).

Pembacaan teks *Hikayat Isma Yatim* dan *Hikayat Hang Tuah* dilakukan beberapa kali bagi memahami inti pati teks yang menjadi tumpuan kajian. Melalui kaedah analisis kandungan (*content analysis*), makna dan mesej yang terkandung dalam teks ditafsirkan dan dirungkaikan.

Data-data yang dikumpulkan dianalisis berdasarkan pendekatan adab hasil kerangka pemikiran Syed Muhammad Naquib Al-Attas. Analisis dilakukan bagi membuktikan bahawa kandungan teks-teks sastera Melayu tradisional berfungsi untuk menyemai nilai-nilai kebijaksanaan ke arah melahirkan manusia beradab.

## DATA KAJIAN

Kajian ini dilakukan terhadap dua buah teks hikayat Melayu tradisional iaitu:

1. *Hikayat Hang Tuah* yang diselenggarakan oleh Kassim Ahmad. Teks ini telah diterbitkan oleh Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2008.
2. *Hikayat Isma Yatim* yang dialihaksarakan oleh Ayu Nor Azilah Mohamad. Teks ini merupakan Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia yang dihasilkan pada tahun 2003.

### KONSEP ADAB

Istilah adab memiliki erti yang luas dan mendalam. Pada peringkat awal, perkataan adab membawa maksud undangan ke sebuah bankuet yang di dalamnya terkandung idea tentang hubungan sosial yang baik dan mulia. Walau bagaimanapun, adab kemudian digunakan dalam konteks yang lebih khusus seperti merujuk pada kajian kesusasteraan dan etika profesional serta kemasyarakatan (Wan Mohd Nor 2005: 118). Syed Muhammad Naquib Al-Attas mendefinisikan adab sebagai "... pengenalan serta pengakuan akan hak keadaan sesuatu dan kedudukan seseorang, dalam rencana susunan berperingkat martabat dan darjat, yang merupakan hakikat yang berlaku dalam tabiat semesta" (Syed Muhammad Naquib 2001: 118). Jelas Syed Muhammad Naquib lagi *adab* melibatkan "...pengenalan serta pengakuan diri tentang adanya martabat dalam kalangan makhluk jelata, dan adanya darjat pada tiap pernibahan yang berlaku dalamnya" (Syed Muhammad Naquib 2001: 142).

Penanaman adab dalam diri seseorang akan melahirkan manusia bergelar *insan adabi* (insan beradab). Insan adabi ialah manusia yang berusaha menanamkan kualiti kebaikan dalam kehidupan spiritual dan material serta rohani dan jasmani (Wan Mohd Nor 2005: 117). Dalam proses menyemai adab dalam diri bagi mencapai matlamat insan yang sempurna ini, setiap manusia tidak dapat lari daripada melalui lingkaran hubungan dengan Tuhan selaku Pencipta (*hablumminalla*) dan hubungan sesama manusia (*hablumminannas*). Sehubungan itu, rangkaian hubungan yang bersifat vertikal (antara manusia dengan Tuhan) dan horizontal (antara sesama manusia) ini menyebabkan wujudnya dua status peranan bagi setiap manusia di dunia iaitu sebagai khalifah Allah dan pada masa yang sama selaku hamba-Nya.

Terdapat empat prinsip utama yang terkandung dalam adab yang perlu ditanam dalam diri setiap manusia. Prinsip-prinsip tersebut berdiri sebagai suatu hierarki yang perlu dicapai tahap demi tahap

oleh setiap manusia sebelum layak digelar insan adabi. Keempat-empat prinsip insan adabi ini adalah '*ilm* (ilmu), *hikmah* (kebijaksanaan), '*adl* (keadilan) dan amal ihsan.

Ilmu menduduki darjat yang tertinggi kerana orang yang berilmu sentiasa dimuliakan oleh Allah SWT. Seseorang yang mempunyai ilmu secara tidak langsung menyerlahkan kebijaksanaan dirinya. Kebijaksanaan dalam melakukan sesuatu tindakan akan mewujudkan sifat adil dalam diri seseorang. Keadilan membawa maksud meletakkan sesuatu pada tempat yang benar dan wajar (Wan Mohd Nor 2005: 45). Sifat adil dalam diri seseorang amat penting supaya segala keputusan yang dilakukan bertunjangan kepada kebenaran dan keadilan. Prinsip ini berkait dengan prinsip ilmu dan kebijaksanaan. Secara tidak langsung, ketiga-tiga prinsip ini akan menyerlahkan amal ihsan dalam kualiti diri seseorang (Muhd Norizam Jamian & Shaiful Bahri Md Radzi 2013; Muhd Norizam Jamian & Shaiful Bahri Md Radzi 2016).

Amal ditakrifkan sebagai perbuatan baik manakala ihsan bererti kebaikan. Amal ihsan amat penting kepada diri seseorang dalam melahirkan insan terpuji. Setiap amal harus dilakukan secara ikhlas kerana Allah akan memberikan ganjaran pahala. Syed Muhammad Naquib Al-Attas (2009: 9) memberi pengertian yang berkaitan dengan amal salih iaitu setiap tindakan insan yang baik bermula dengan niat, yang diamalkan dengan iltizam dan istiqamah, bersesuaian dan bertepatan, berguna serta membawa manfaat kepada diri sendiri dan masyarakat.

Keempat-empat prinsip ini membentuk suatu hierarki yang perlu dicapai dalam pembentukan adab insan. Jika disoroti dari perspektif adab, karya-karya kesusasteraan Melayu tradisional turut menampung prinsip kebijaksanaan untuk disemai di dalam diri khalayaknya. Karya-karya tersebut menjadi wadah untuk memandu manusia dalam melaksanakan tugas sebagai hamba kepada Pencipta dan pada masa yang sama sebagai khalifah yang memakmurkan alam ini. Berlandaskan pendekatan tersebut, teks *Hikayat Isma Yatim* dan *Hikayat Hang Tuah* dikupas untuk mencungkil elemen-elemen kebijaksanaan yang dapat mengangkat darjat insan dari bertaraf rendah manusia liar ke taraf luhur insan adabi.

### KONSEP KEBIJAKSANAAN

Kebijaksanaan atau hikmah mempunyai ruang lingkup makna yang luas. Dari segi bahasa, hikmah

bermaksud ketepatan dalam perkataan dan amalan; kefahaman (*al-fahm*); penulisan (*al-kitabah*); kebaikan agama dan dunia (*islah al-din wa islah al-dunya*); kenabian (*al-nubuwwah*); ibu segala kebaikan (*abu salih*); ilmu anugerah (*al-ladunni*); dan penyingkapan rahsia untuk mendapatkan ilham (Mat Rofa 2009: 1). Hikmah juga sering dikaitkan dengan falsafah dan dianggap sebagai pengetahuan yang paling tinggi, iaitu pengetahuan yang menghubungkan manusia pada pemahaman tentang dunia hakikat (*Ensiklopedia Islam* 2004: 112-113). Dari perspektif yang lain, konsep hikmah atau istilah asalnya dalam bahasa Arab, *hikma* diperjelaskan sebagai (*The Encyclopedia of Islam* 1960: 377-378):

*... to set the thing in its place, seems thereby to suggest the sense of equilibrium and stability.*

*... the passage of the soul of man to the perfection possible for him within the two bounds of science and action*

*... appears as a lofty spiritual conception of the world, penetrating all knowledge within the grasp of man, and even attaining to faith in God in revelation.*

Dengan kata lain, hikmah dihubungkan dengan keadilan, iaitu menetapkan sesuatu perkara di tempatnya sehingga mewujudkan rasa keseimbangan dan kestabilan. Hikmah juga dianggap sebagai suatu perjalanan jiwa manusia kepada kesempurnaan hakiki dalam melewati batas-batas ilmu (sains) dan amal (tindakan). Pada tahap yang lebih tinggi, hikmah merupakan suatu konsep yang luhur darjatnya, menembusi semua pengetahuan dalam memahami manusia, bahkan mencapai kepada pemahaman tentang hakikat ketuhanan.

Syed Muhammad Naquib Al-Attas (2001: 142) menjelaskan maksud kebijaksanaan atau hikmah sebagai “ilmu yang memberitahu nazar akali diri yang mendapat tahu di mana letaknya tempat yang wajar, yang tepat menyelarasi sifat sesuatu, bagi tiap sesuatu – termasuk diri yang mengetahui itu sendiri.” Pendapat ini disokong pula oleh Wan Mohd Nor (2005: 94) yang menyatakan hikmah sebagai “kombinasi ilmu iluminasi (*ma'rifah*) dan sains; diberikan Allah SWT kepada manusia melalui kasyaf, intuisi (ilham) dan pengalaman spiritual yang memungkinkan pemiliknya mengetahui batas kegunaan dan batasan makna yang terdapat dalam pelbagai persoalan dan ilmu pengetahuan yang ditekuni, yang memungkinkan dia bertindak dengan adil.”


Berdasarkan kedua-dua pandangan ini, kebijaksanaan boleh didefinisikan sebagai suatu

proses dalam jiwa yang boleh menentukan di antara hal-hal yang benar dengan yang salah dalam pelbagai urusan tindakan dan perbuatan manusia. Proses mengenal pasti hal-hal yang benar di antara yang salah ini dilaksanakan melalui pemilihan dan kemahuan sendiri dengan berpandukan hasil kesepaduan antara wahyu *nubuwwah* dan faedah daripada pengalaman manusia (Muhammad Uthman El-Muhammady 2010: 1). Dengan kata lain, kebijaksanaan hanya akan lahir melalui kekuatan ilmu yang teguh sama ada ilmu duniawi mahupun ukhrawi. Ilmu memainkan peranan yang penting sebagai santapan akal bagi melahirkan tindakan (amal) yang bijaksana. Tanpa amal, ilmu akan terbiar sia-sia manakala tanpa ilmu, kebijaksanaan pula tidak akan menjelma.

Kebijaksanaan hanya akan muncul hasil penggemblengan ilmu pengenalan dan ilmu pengetahuan. Ilmu pengenalan merupakan ilmu berasaskan wahyu Ilahi manakala ilmu pengetahuan bersumberkan pengalaman dan uji kaji terhadap alam. Karya-karya sastera hikayat yang terdiri daripada pelbagai genre memaparkan kandungan berasaskan ilmu pengenalan yang dapat mengintimkan hubungan dengan Pencipta (*hablumminalla*) dan ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan hubungan sesama manusia dan alam (*hablumminannas*). Ilmu-ilmu ini menjadi hidangan akal khalayak untuk dicerna bagi melahirkan tindakan yang bijaksana.

## ANALISIS

Hasil analisis dari perspektif adab, teks *Hikayat Isma Yatim* dan *Hikayat Hang Tuah* mengandungi elemen kebijaksanaan yang boleh dicerap oleh khalayak. Elemen kebijaksanaan ini boleh dikupas dari empat sudut iaitu, ilmu, budi pekerti, membela kebenaran dan mengangkat martabat seseorang insan (Rajah 1). Melalui analisis yang dijalankan, tergambar kepentingan aspek kebijaksanaan dalam segenap kehidupan masyarakat Melayu sama ada dari segi politik, ekonomi mahupun sosial.



RAJAH 1. Kebijaksanaan adab dalam *Hikayat Isma Yatim* dan *Hikayat Hang Tuah*

## ILMU

Ilmu diperlukan oleh akal untuk dicerna bagi melahirkan kebijaksanaan yang dapat mengangkat martabat diri seseorang manusia. Akal yang kontang ilmu akan menjadi sia-sia. Hanya ilmu yang dapat menyuburkan akal agar membuahkan kebijaksanaan. Seseorang yang mempunyai ilmu secara tidak langsung menyerlahkan kebijaksanaan dirinya (Nor Asma Ab Aziz & Muhd Norizam Jamian 2016). Kebijaksanaan menjadi antara elemen penting dalam melahirkan insan sempurna yang tinggi makamnya berbanding insan biasa yang lain. Peranan ilmu dalam mewujudkan kebijaksanaan yang mampu meninggikan kedudukan insan ini dipaparkan dalam kesusasteraan Melayu tradisional.

Kebijaksanaan Hang Tuah lahir dari sifatnya yang amat mencintai ilmu. Kecintaan Hang Tuah pada ilmu telah dipamerkan sejak kecil lagi. Keghairahan terhadap ilmu telah mendorong Hang Tuah bersama-sama empat sahabat karibnya mengembara dan menjelajah mencari guru atau orang pertapaan untuk melengkapkan ilmu dan kehandalan mereka (Siti Hawa Haji Salleh 2009: 392). Sang Aria Putera, Sang Persata Nala dan Syeikh Mansur merupakan antara guru yang telah mencurahkan ilmu kepada Hang Tuah. Sejak kecil lagi Hang Tuah telah berjaya khatam al-Quran dan menguasai sebanyak 12 bahasa (Kassim Ahmad 2008: 24). Selain itu, Hang Tuah juga mahir dalam pelbagai ilmu lain seperti ilmu isyarat hulubalang,

ilmu firasat, ilmu perajurit, ilmu kesaktian dan ilmu kuda. Dengan kata lain, Hang Tuah telah berjaya melengkapkan dirinya dengan tiga aspek penting, iaitu kekuatan mental, fizikal dan rohaniah. Kekuatan seperti inilah yang telah meletakkan Hang Tuah sebagai tokoh yang tidak dapat ditandingi oleh pihak lawan. Kebijaksanaan Hang Tuah ini bukan sahaja diakui oleh Sultan Melaka malahan dikagumi oleh Betara Majapahit (Kassim Ahmad 2008: 158):

Maka titah Seri Betara, “Hai Patih Gajah Mada, adapun kulihat Laksamana itu bukan barang-barang orang dan bukan barang-barang hulubalang dengan beraninya dan bijaksana; syahadan tahunya pada ilmu firasat dan ilmu penjurit; dan tahu pada bermain senjata jangan dikata lagi; sukarlah kita mengenai.”

Peranan ilmu yang menjadi asas kebijaksanaan turut dapat diimbaskan menerusi *Hikayat Isma Yatim*. Seperti mana Hang Tuah, kebijaksanaan Isma Yatim juga telah menonjol sejak kecil lagi. Isma Yatim telah dihantar mengaji dengan Muallim Sufian dan fasih mengaji dalam masa yang singkat. Isma Yatim dikurniakan oleh Allah SWT kelebihan akal yang luar biasa berbanding kanak-kanak lain apabila menguasai ilmu mengarang dan mampu menghasilkan hikayat (Muhd Norizam Jamian & Nor Asma Ab Aziz 2018). Kebijaksanaan Isma Yatim terserlah apabila beliau mengarang sebuah hikayat untuk tatapan kanak-kanak (Ayu Nor Azilah Mohamad 2003: 2):

Maka ia pun fikir di dalam hatinya, “Baiklah aku ini mengarang suatu hikayat yang memberi nasihat supaya segala kanak-kanak itu tahu membaca hikayat.” Setelah demikian fikirnya syahdan maka Isma Yatim pun menyurat suatu hikayat yang indah-indah memberi hati segala kanak-kanak itu rajin dan suka membaca dia. Setelah sudah maka diberikannya kepada segala kanak-kanak. Maka sekalian kanak-kanak itu pun tahulah ia berhikayat dan daripada ibu bapanya mendengar hikayat yang indah-indah itu maka sekalian ibunya kanak-kanak itu pun terlalu amat sukacitanya sebab anaknya itu tahu membaca segala hikayat.

Kebolehan Isma Yatim ini mengatasi teman-teman sebayanya yang lain dan kepandaiannya mengarang hikayat menjadi kunci bagi Isma Yatim untuk masuk serta bertapak di istana. Salah sebuah hikayat yang dihasilkan telah dipersembahkan oleh menteri kepada raja dan raja yang tertarik dengan kebijaksanaan Isma Yatim telah menawarkannya bekerja di istana.

Isma Yatim juga memiliki pengetahuan yang luas dan mahir tentang adab tertib istana. Pandangan dan nasihat yang diberikan oleh Isma Yatim

bukan sahaja diberikan kepada raja tetapi juga permaisuri, puteri, pegawai istana dan saudagar yang berdagang di Samudera Pura Negara. Malahan raja sendiri kerap kali sengaja meminta Isma Yatim membincangkan sesuatu perkara untuk didengar oleh hadirin yang ada di balai penghadapan. Kebijaksanaan Isma Yatim dalam hal ketatanegaraan ini terbukti berdasarkan jawapan Isma Yatim terhadap pertanyaan raja tentang perkara yang perlu dilakukan semasa baginda berada di balai penghadapan rakyat (Ayu Nor Azilah Mohamad 2003: 100):

Pertama, duli yang dipertuan datang daripada penghadapan yang di luar itu diiringkan oleh segala biduanda masuk kepada paduka adinda. Maka mahulah ia turun dari atas peterana itu memberi hormat akan yang dipertuan. Maka hendaklah disambut oleh Syah Alam tangannya adinda dengan manis serta dibawa duduk bersama-sama. Kedua perkara, hendaklah yang dipertuan menyukakan hati paduka adinda itu. Ketiga perkara, hendaklah duli tuanku mengajarkan suatu khabar takhta kebesaran isi istana di negeri yang lain supaya mudah-mudahan diturut oleh paduka adinda itu. Keempat perkara, hendaklah yang dipertuan bertanyakan siapa yang berbuat kebaktian dalam istana itu dan siapa dipuji oleh segala rakyat sekalian. Kelima perkara, hendaklah tuanku memenuhi hasrat segala biti-biti. Keenam perkara, hendaklah tuanku bertanyakan pada segala isi istana itu.

Jawapan yang telah dinyatakan oleh Isma Yatim ini merupakan panduan kepada raja dalam melaksanakan urusan harian di istana. Syarat-syarat yang dinyatakan oleh Isma Yatim menjadi landasan kepada golongan pemerintah dalam melaksanakan tanggungjawab dan kewajipan mereka. Ingatan Isma Yatim agar raja sentiasa mengambil tahu sesiapa yang berbakti kepada rakyat wajar diikuti dan diamalkan oleh mana-mana pemerintah. Hal ini kerana raja dapat memberikan anugerah kepada orang yang telah membuat jasa berkenaan dan seterusnya tindakan tersebut akan disukai oleh rakyat serta menggalakkan mereka agar terus membuat kebaktian. Tindakan ini juga akan mencambahkan rasa cinta dan mengukuhkan taat setia rakyat kepada rajanya.

Di samping hal ketatanegaraan, kebijaksanaan Isma Yatim juga terserlah dalam bidang pengurusan ekonomi. Hal ini dapat dilihat semasa Isma Yatim diberikan tugas menjaga perbendaharaan raja (Ayu Nor Azilah Mohamad 2003: 177):

Sebermula adapun selamanya Isma Yatim memegang perbendaharaan raja itu dan beberapa saudagar yang miskin menjadi kaya dan beberapa nakhoda yang miskin menjadi kaya dan segala anak yatim yang tiada berupaya

menjadi bermodal. Syahadan maka segala hamba raja itu pun tiada susah lagi akan pakaiannya dan segala hulubalang yang tiada berupaya itu pun berupayalah dan segala dayang-dayang, biti-biti, perwara, sekalian isi istana tiada susah akan pakaian. Sebermula maka negeri itu pun terlalulah makmurnya dan beberapa banyak saudagar di dalamnya dan bandarnya pun terlalu kaya.

Ternyata Isma Yatim seorang yang bijak dan cekap dalam menguruskan hal ehwal ekonomi serta perbendaharaan negara. Keupayaan Isma Yatim terserlah apabila dia berjaya meletakkan negeri Samudera Pura Negara menjadi makmur dan kaya-raja. Sepanjang bertugas menguruskan perbendaharaan, Isma Yatim juga bertanggungjawab menjaga kebajikan rakyat negeri tersebut. Kekayaan negara tidak dibiarkan dibolot oleh pihak-pihak tertentu sahaja sebaliknya diagih-agihkan ke segenap lapisan rakyat. Kemakmuran Samudera Pura Negara dikongsi bersama oleh rakyat jelata. Bukan sahaja golongan saudagar dan nakhoda, bahkan anak yatim, hamba raja, hulubalang, dayang-dayang, biti-biti dan perwara turut merasai nikmat kesenangan hasil kebijaksanaan Isma Yatim tersebut. Kebijaksanaan Isma Yatim dalam mengendalikan urusan ekonomi negara ini telah meningkatkan kredibiliti Isma Yatim di mata raja dan juga seluruh rakyat jelata.

#### BUDI PEKERTI

Kebijaksanaan yang menjadi salah satu ciri insan adabi juga sering dikaitkan dengan ketinggian akal budi dalam penampilan peribadi. Orang yang bijaksana seharusnya mempunyai kehalusan bahasa pertuturan, ketelitian pemikiran, kesabaran hati, kecekalan usaha dan sebagainya (Jelani Harun 2003: 166). Budi pekerti yang tinggi ini menjadi kriteria yang mengangkat darjat seorang insan. Hal ini turut dipaparkan dalam teks *Hikayat Isma Yatim* dan *Hikayat Hang Tuah*.

*Hikayat Hang Tuah* misalnya menonjolkan ketinggian budi pekerti Hang Tuah. Sebagai seorang yang bijaksana, Hang Tuah bukan sahaja gagah perkasa di medan perang tetapi juga seorang yang sabar dan banyak berfikir dalam melaksanakan sesuatu tindakan. Ketelitian pemikiran dan ketajaman akal Hang Tuah dapat dilihat dalam episod pertarungannya menentang Hang Jebat. Hang Tuah tidak terus sahaja bertarung dengan Hang Jebat setelah dititahkan oleh sultan sebaliknya mengambil sedikit masa untuk mempersiapkan diri – memulihkan kekuatan stamina dan mengasah kembali kemahiran bermain senjata (Kassim Ahmad

2008: 349). Hang Tuah juga begitu cermat memilih keris yang sesuai untuk berhadapan dengan Hang Jebat. Malahan Hang Tuah juga begitu cekap memilih saat dan ketika yang baik untuk melawan Hang Jebat iaitu hari Ahad dan pada waktu tengah hari (Kassim Ahmad 2008: 350-353).

Di samping itu, Hang Tuah juga merupakan seorang yang berperibadi mulia. Walaupun sudah berada di kedudukan tertinggi di Melaka sebagai orang kepercayaan sultan, Hang Tuah tidak pernah berasa sombong atau bongkak. Hang Tuah tidak pernah menggunakan kedudukan dan keistimewaannya untuk kepentingan diri sendiri. Sebaliknya, Hang Tuah begitu bertimbang rasa dan prihatin terhadap golongan bawahan yang lemah dan miskin. Dia juga amat pemurah kepada golongan fakir miskin. Hal ini ditampilkan dalam *Hikayat Hang Tuah* melalui episod kejadian samun yang dilakukan oleh Marga Paksi dan Kertala Sari yang berjaya diatasi oleh Hang Tuah. Harta curian yang ditemui kembali ingin dihadihkan sebahagiannya kepada Hang Tuah oleh raja tetapi Hang Tuah enggan menerimanya (Kassim Ahmad 2008: 322 & 379):

... Setelah Laksamana menengar kata yang empunya harta demikian itu, maka ia pun diambilnya harta itu. Maka dibahagi tiga pula, sebahagi itu diberikannya pada segala pegawai yang tiada berpenguasaan dan yang sebahagi lagi didermakan pada segala fakir miskin. Maka segala fakir miskin pun meminta doa akan Laksamana datang kepada anak cucunya menjadi hulubalang juga.

... Masing-masing pun memberikan segala hartanya akan Laksamana. Maka Laksamana pun membahagi tiga, diambil oleh Laksamana harta itu sebahagi. Maka yang sebahagi Laksamana ambil itu dibahagi tiga pula; yang sebahagi itu didermakan pada segala fakir miskin dan yang sebahagi lagi diberikan pada segala pegawai yang tiada penguasaan dan sebahagi diberikan pada segala orangnya. Maka segala harta itu pun habislah, suatu pun tiada diambil oleh Laksamana.

Ternyata Hang Tuah bukan seorang yang tamak haloba atau mementingkan diri sendiri. Apabila dihadihkan kepada Hang Tuah segala harta curian yang diperoleh kembali itu, beliau hanya mengambil sebahagian kecil sahaja manakala sebahagian besar lagi disedekahkan kepada fakir miskin dan para pegawai yang sudah tua. Malah ada kalanya Hang Tuah tidak mengambil langsung harta yang dihadihkan kepada beliau.

Menerusi *Hikayat Isma Yatim* pula, ketinggian akal budi Isma Yatim ditonjolkan. Selaku insan bijaksana, Isma Yatim diberikan gambaran yang

cukup mulia dan sering kali mendapat pujian raja. Kesetiaan Isma Yatim terhadap raja tidak ubah seperti kesetiaan Hang Tuah dalam *Hikayat Hang Tuah*. Isma Yatim menggunakan kebijaksanaan yang ada dalam dirinya bukan untuk kepentingan diri sendiri tetapi untuk berbakti sepenuhnya kepada raja. Hal ini menyebabkan raja amat menyayangi Isma Yatim sehingga sanggup menganugerahkan pakaian diraja yang dipakai oleh baginda kepada Isma Yatim (Ayu Nor Azilah Mohamad 2003: 63):

Maka baginda pun terlalu amat sukacita menengar sembah Isma Yatim itu lalu baginda menanggalkan segala pakaian dari tubuh baginda dianugerahkan kepada Isma Yatim.

Selain itu, ketinggian peribadi Isma Yatim sebagai seorang yang bijaksana turut tercermin daripada kualiti kerja atau tugas yang dilaksanakannya. Kewibawaan Isma Yatim terserlah apabila setiap tugas yang diberikan akan dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab dan dedikasi. Tugas-tugas yang diberikan tidak pernah dilakukan secara sambalewa sebaliknya ditunaikan sebagai suatu amanah dengan sempurna. Hal ini dapat dilihat semasa Isma Yatim ditugaskan sebagai penjaga permaidani (Ayu Nor Azilah Mohamad 2003: 100):

Syahadan maka Isma Yatim hadir lah ia menghamparkan permaidani yang keemasan itu dengan berbagai-bagai perhiasannya dan menatapi daripada selapis ke selapis. Setelah sudah maka disimpannya permaidani itu. Demikianlah pada tiap-tiap hari.

Ketelitian dan dedikasi Isma Yatim dalam melaksanakan tugas telah menghairankan raja dan menimbulkan persoalan di hati baginda. Namun, jawapan yang diberikan telah menyebabkan raja kagum dan menghargai prinsip kerja Isma Yatim (Ayu Nor Azilah Mohamad 2003: 103):

“Sebab pun patik peramat-amati permaidani tempat Syah Alam kalau-kalau ada barang seperti yang memberi mudharat akan duli Syah Alam kerana tatkala Syah Alam semayam dihadap oleh segala raja-raja dan perdana menteri dan hulubalang, biduanda sekalian. Maka pada masa itulah kalau-kalau ada yang memberi mudharat duli Syah Alam nescaya berubah wajah Syah Alam dan kedudukan Syah Alam menjadi murka tuanku pada patik kerana berubah wajah warna dan sila tuanku nescaya hilanglah suatu rukun daripada raja-raja dan perdana menteri serta hulubalang itu.”

Jelas bahawa Isma Yatim begitu teliti dan cermat dalam melaksanakan sesuatu tugas. Hal ini kerana setiap tugas yang diamanahkan kepadanya melibatkan prestij dan kemuliaan raja. Justeru, Isma

Yatim tidak mahu berlaku sebarang kecuaiian dan kesilapan yang bukan sahaja boleh menjejaskan imej raja tetapi juga mencalarakan kedudukan negara. Menjaga nama baik raja dan negara menjadi keutamaan Isma Yatim dalam menjalankan setiap tugas yang diberikan kepadanya (Ayu Nor Azilah Mohamad & Rohaini Amin 2016: 91).

#### KEBIJAKSANAAN SEBAGAI PEMANDU KEBENARAN

Kebijaksanaan merupakan elemen penting yang dapat memandu manusia ke arah kebenaran. Kebijaksanaan yang dapat mencapai kebenaran ini timbul hasil daripada kekuatan ilmu dan akal manusia. Kekuatan inilah yang membolehkan manusia membuat perbezaan antara benar dan dusta dalam ucapan, antara hak dan batil dalam kepercayaan dan antara bagus dan jahat dalam perbuatan (Noridah Kamari 2008: 31). Dari kekuatan ilmu dan akal ini akan lahir kebijaksanaan yang menjadi kemuncak segala perbuatan yang baik dan segala budi pekerti yang terpuji (Syed Muhammad Naquib Al-Attas 2001: 143).

*Hikayat Hang Tuah* memaparkan peranan kebijaksanaan dalam membela kebenaran dan menentang kezaliman. Bendahara yang telah dititahkan oleh Sultan Melaka untuk melaksanakan hukuman bunuh ke atas Hang Tuah akibat fitnah Patih Kerma Wijaya dan para pegawai istana yang dengikannya berasa serba salah untuk melaksanakan hukuman tersebut. Bendahara merasakan hukuman bunuh terhadap Hang Tuah adalah tidak adil dan dilakukan tanpa usul periksa. Pada masa yang sama, bendahara tidak mahu menderhaka dengan mengingkari arahan Sultan Melaka. Justeru, bendahara yang bijaksana telah menyembunyikan Hang Tuah sekeluarga di dusunnya di Hulu Melaka dengan harapan Sultan Melaka akan menyedari kesilapan baginda kelak. Tindakan bendahara ini menggambarkan kebijaksanaan beliau bagi menjunjung keadilan terhadap Hang Tuah tanpa meruntuhkan kesetiaan dan ketaatan beliau kepada Sultan Melaka. Pendirian ini dinyatakan sendiri oleh bendahara (Kassim Ahmad 2008: 327):

“... Adapun yang beta ini menteri tua, maka beta lihat orang kaya tiada berdosa; maka beta kerjakan seperti titah itu, seolah-olah jadi nama beta keji dikata orang; akan katanya, ‘Lihatlah Bendahara Paduka Raja tiada periksa membunuh Laksamana itu, tiada dengan dosanya’. Kepada Allah Taala pun makin besar dosanya, orang

kaya hulubalang besar pegawai negeri. Adapun yang hamba membuang orang kaya itu bahawa sekali-kali tiada hamba mahu. Baik juga orang kaya berlepas dahulu barang ke mana. Kutuk Duli Yang Dipertuan hamba tanggung.”

Episod yang hampir sama turut dipaparkan dalam *Hikayat Isma Yatim*. Dalam *Hikayat Isma Yatim*, Tuan Puteri Ratna Kendi telah difitnah dan dijatuhkan hukuman bunuh oleh raja walaupun sedang mengandung. Isma Yatim menonjolkan sifat adilnya apabila menyiasat terlebih dahulu perkara tersebut sebelum menjatuhkan sebarang hukuman. Hakikatnya Tuan Puteri Ratna Kendi telah difitnah oleh permaisuri atas cubaan untuk membunuh raja. Raja sangat murka dan telah menitahkan supaya Isma Yatim membunuh Tuan Puteri Ratna Kendi.

Isma Yatim tidak terus melaksanakan perintah raja kerana beliau beranggapan bahawa tuan puteri tidak bersalah selagi siasatan belum dilakukan. Tindakan Isma Yatim yang bijak telah menyelamatkan tuan puteri daripada dibunuh dengan menyembunyikannya di sebuah rumah di tengah-tengah kebun sehingga melahirkan seorang puteri. Hal ini dapat dilihat menerusi petikan berikut (Ayu Nor Azilah Mohamad 2003: 215):

Alkisah maka tersebutlah perkataan Tuan Puteri Ratna Kendi hamil itu. Setelah sudah Isma Menteri berbuat taman itu maka Tuan Puteri pun beranaklah seorang perempuan yang terlalu amat elok parasnya gilang-gemilang cahayanya, kilau-kilauan supaya seperti bulan purnama empat belas hari bulan terlebih elok daripada baiduri. Habislah mengikut bonda dan ayahanda seperti pinang dibelah dua dengan baginda. Tuan Puteri pun telah melihat rupa anaknya itu maka ia pun menangis seraya katanya, “Wah anakku, tuan buah hati bonda, apalah daya upaya bonda duduk di dalam hal demikian ini baiknya ada Isma Menteri menyembunyikan bonda, jikalau tidak hampirlah mati bonda ini oleh kerana perbuatan orang.”

#### KEBIJAKSANAAN DAPAT MENINGKATKAN MARTABAT DIRI

Kebijaksanaan berpusat pada akal yang terkandung dalam otak yang dijunjung di kepala. Akal menjadi tempat bercambahnya segala intelek dan kebijaksanaan yang telah dikurniakan oleh Allah SWT kepada manusia bagi mengangkat darjat manusia melebihi haiwan. Dengan kata lain, perbezaan antara manusia dan haiwan hanya terletak pada akal kurniaan Ilahi (Syaiikh Hakim Abu Abdullah Ghulam Moinuddin 1985: 16). Hal ini kerana akal menjadi senjata yang dapat melawan



kebodohan. Jiwa manusia adalah seperti haiwan yang paling buruk dan liar yang akan berkeliaran dalam kebingungan jika tidak dipandu oleh akal (Noridah Kamari 2008: 32).

Oleh yang demikian, akal diperlukan sebagai daya berfikir bagi manusia dalam usaha mencari ilmu pengetahuan dan kebenaran (Imran Effendy Hasibun 2003: 79). Manusia yang tidak memiliki kesempurnaan akal atau tidak menggunakan akalnya dengan baik, tidak akan mampu mencapai kebenaran dan seterusnya beroleh keselamatan di dunia dan akhirat.

Watak Hang Tuah dalam *Hikayat Hang Tuah* merupakan contoh ideal yang memaparkan kebijaksanaan berjaya mengangkat martabat diri seseorang manusia. Berkat kebijaksanaannya, dari seorang rakyat biasa, Hang Tuah telah diangkat menjadi seorang bentara dan kemudian dilantik sebagai laksamana. Kebijaksanaan Hang Tuah juga telah berjaya menambat kasih dan kepercayaan Sultan Melaka (Harun *et al.* 2006: 289-290). Hang Tuah yang dianggap sebagai permata yang berharga telah diangkat sebagai orang kanan sultan setara dengan bendahara. Eratnya hubungan antara sultan dan Hang Tuah ini digambarkan oleh *Hikayat Hang Tuah* sebagai berikut (Kassim Ahmad 2008: 191):

Hatta berapa lamanya Raja Melaka kembali dari Majapahit itu, maka Laksamana pun terlalu sangat amat kurnia raja dan kasih raja akan Laksamana. Barang kata Laksamana kata rajalah, dan jika raja hendak membunuh, maka sembah Laksamana, "Tidak harus, tuanku, dibunuh orang ini," tiadalah jadi dibunuh oleh raja. Hatta maka Laksamana pun terlalu karib kepada raja, keluar masuk tiadalah berpintu lagi.

Hal yang sama turut dapat dilihat menerusi *Hikayat Isma Yatim*. Isma Yatim menghambakan dirinya pada Raja Samudera Pura Negara daripada pangkat yang paling rendah sehinggalah ke peringkat yang paling tinggi. Secara bertahap-tahap, Isma Yatim menjadi orang penting istana, iaitu bermula sebagai hamba sebelum diangkat bertugas sebagai penjaga permaidani dan kemudian menjadi hulubalang istana. Akhirnya berkat kebijaksanaan Isma Yatim, beliau dapat memartabatkan dirinya apabila berjaya menjawat jawatan yang paling tinggi iaitu sebagai Perdana Menteri (Ayu Nor Azilah Mohamad 2003: 196):

Beberapa lamanya ia menjadi hulubalang, pada melawan seterunya itu maka pada suatu hari Isma Yatim pun dipanggil oleh raja. Maka ia pun datanglah lalu sujud menyembah. Maka titah baginda, "Hai Isma Yatim, ada pun engkau kujadikan hulubalang ini telah sempurnalah

engkau berbuat kebaktian kepada aku. Beberapa negeri yang sudah engkau taklukkan dan ada pun sekarang ini engkau kujadikan pula Perdana Menteri Mangkubumi. Maka negeri ini pun aku serahkanlah kepadamu."

## KESIMPULAN

Karya-karya sastera hikayat seperti *Hikayat Isma Yatim* dan *Hikayat Hang Tuah* memainkan peranan penting dalam menjana kebijaksanaan insan. Elemen kebijaksanaan ini disampaikan melalui pelbagai bentuk ilmu yang terkandung dalam teks sastera hikayat untuk dicerap dan dicerna oleh akal khalayaknya. Para pengarang yang berilmu dan bijaksana mencurahkan ilmu dan kebijaksanaan mereka ke dalam karya khususnya melalui watak-watak yang mereka hasilkan. Melalui proses kognitif, unsur ilmu dan kebijaksanaan yang ditampilkan menerusi watak-watak dalam karya ini pula akan dicerap dan dicerna oleh khalayak kesusasteraan Melayu tradisional sebagai contoh, panduan dan ikutan.

Kebijaksanaan adalah keadaan jiwa yang boleh menentukan hal-hal yang benar di antara yang salah dalam perbuatan yang dilaksanakan melalui pemilihan dan kemahuan sendiri hasil daripada kekuatan ilmu yang teguh. Kebijaksanaan amat diperlukan bagi setiap manusia dalam melaksanakan tugas dan kewajipan *hablumminallah* dan *hablumminannasnya*. Keupayaan melunaskan tanggungjawab selaku khalifah Allah SWT di muka bumi dan hamba-Nya yang setia dengan sempurna dan seimbang ditentukan oleh kebijaksanaan seseorang insan itu. Paparan kebijaksanaan dalam kesusasteraan Melayu tradisional menjadi petunjuk dan peringatan kepada insan adabi dalam memimpin manusia dan melestarikan alam. Selain itu, insan yang bijaksana bukan sahaja mempunyai martabat yang tinggi di sisi-Nya malahan mampu membawa diri ke landasan kebenaran. Segala kekaburan yang menyelubungi pandangan insan dapat dilenyapkan menerusi kebijaksanaan sehingga dia mampu melihat dengan jelas dan yakin hakikat kebenaran yang sebenarnya.

Tegasnya kebijaksanaan insan dalam dunia Melayu jelas tergambar dalam teks *Hikayat Isma Yatim* dan *Hikayat Hang Tuah*. Kehebatan akal budi Melayu yang mencerminkan perbuatan, pemikiran dan sikap seseorang manusia yang mengutamakan kebijaksanaan, keluhuran jiwa serta keindahan terungkap melalui karya-karya

hikayat tradisional. Elemen kebijaksanaan ini bukan sahaja dirakamkan dalam aspek politik tetapi juga dalam aspek ekonomi dan sosial masyarakat Melayu.

#### RUJUKAN

- Ayu Nor Azilah Mohamad & Rohaini Amin. 2016. Didaktik dan ketatanegaraan dalam *Hikayat Isma Yatim*. *e-BANGI Journal* 13(4): 81-99.
- Ayu Nor Azilah Mohamad. 2003. Hikayat Isma Yatim: Satu kajian teks. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bryman, Alan. 2001. *Social Research Methods*. New York: Oxford University Press.
- Ding Choo Ming. 2003. *Kajian Manuskrip Melayu: Masalah, Kritikan dan Cadangan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Ensiklopedia Islam*. 2004. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Mat Piah, Ismail Hamid, Siti Hawa Salleh, Abu Hassan Sham, Abdul Rahman Kaeh & Jamilah Haji Ahmad. 2006. *Kesusasteraan Melayu Tradisional* (Edisi ketiga). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Imran Effendy Hasibun. 2003. *Pemikiran Akhlak Syeikh Abdurrahman Shiddiq al-Banjari*. Pekanbaru: LPNU Press.
- Jelani Harun. 2003. *Pemikiran Adab Ketatanegaraan Kesultanan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamaruddin M. Said. 2007. Minda orientalis dan minda pasca-kolonial: Politik membaca *Hikayat Hang Tuah*. *Akademika* 70(1): 41-56.
- Kassim Ahmad (pngr.). 2008. *Hikayat Hang Tuah*. Edisi kulit lembut. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mat Rofa Ismail. 2009. Ilmu hikmah dalam kajian etnosains dan etnomatematik alam Melayu. Seminar Bulanan Etnomatematik Rumpun Melayu, Institut Penyelidikan Matematik (INSPEM), Universiti Putra Malaysia, 21 Julai.
- Muhammad Uthman El-Muhammady. 2010. Hikmah kebijaksanaan Melayu. Persidangan Pakar Melayu, Pusat Persidangan Antarabangsa, Brunei Darussalam, 26 Julai-1 Ogos.
- Muhd Norizam Jamian & Nor Asma Ab Aziz. 2018. Akhlak pemimpin dalam *Hikayat Isma Yatim*: Satu analisis pendekatan adab. *Jurnal Melayu* 17(2): 255-276.
- Muhd Norizam Jamian & Shaiful Bahri Md Radzi. 2013. In search of a just leader in Islamic perspective: An analysis of traditional Malay literature from the perspective of adab. *Asian Social Science* 9(6): 22-29.
- Muhd Norizam Jamian & Shaiful Bahri Md Radzi. 2016. Traditional Malay literature and the generation of knowledge. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities* (24): 87-96.
- Muhd Norizam Jamian, Mohd Yuszaidy Yusoff, Muammar Ghaddafi Hanafiah & Yusmilayati Yunos. 2017. Keadilan teras kepimpinan raja-raja Melayu: Dari era tradisi ke kontemporari. *Jurnal Melayu* 16(1): 62-81.
- Muhd Norizam Jamian. 2012. Kesusasteraan Melayu Tradisional dari Perspektif Adab: Suatu Perbincangan Pemikiran Syed Muhammad Naquib Al-Attas. Tesis Sarjana Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Asma Ab Aziz & Muhd Norizam Jamian. 2016. Akhlak pemimpin dalam *Hikayat Iskandar Zulkarnain*: Satu analisis pendekatan adab. *Jurnal Melayu* 15(1): 50-66.
- Norazimah Zakaria, Azlina Abdullah, Sharifah Zarina Syed Zakaria, Mimi Hanida Abdul Mutalib, Alizah Lambri, Siti Salwa Jamaludin, Mashitah Sulaiman & Rosmah Derak. 2017. Akal budi dan cerminan jati diri melayu dalam pantun. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah* 4(2): 89-97.
- Noridah Kamari. 2008. Dari Mustika ke Sang Pencinta: Nada-nada sufi dalam lirik lagu M. Nasir. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Hawa Haji Salleh. 1999. Kesusasteraan Melayu tradisional dan peranan filologi. *Akademika* 54(1): 147-155.
- Siti Hawa Haji Salleh. 2009. *Kelopak Pemikiran Sastera Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Syaikh Hakim Abu Abdullah Ghulam Moinuddin. 1985. *The Book of Healing*. New York: Inner Traditions.
- Syed Muhammad Naquib Al-Attas. 2001. *Risalah untuk Kaum Muslimin*. Kuala Lumpur: Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam.
- The Encyclopedia of Islam* (New edition). 1983. Leiden: E. J. Brill.
- Ungku Maimunah Mohd Tahir. 2007. *Kritikan Sastera Melayu: Antara Cerita dengan Ilmu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. 2005. *Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam Syed M. Naquib Al-Attas: Satu Huraian Konsep Asli Islamisasi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Muhd Norizam Jamian (corresponding author)  
 Pusat Kelestarian Warisan dan Kebitaraan Melayu  
 Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
 Universiti Kebangsaan Malaysia  
 43600 UKM Bangi  
 Selangor  
 Malaysia  
 E-mail: norizam@ukm.edu.my

Zubir Idris  
Pusat Kelestarian Warisan dan Kebudayaan Melayu  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor  
Malaysia  
E-mail: zidris@ukm.edu.my

Received: 10 November 2018

Accepted: 27 Febuari 2019

